

20/02/2004

Pemimpin Pusat bertekad mahu tawan Kelantan

Azman Mahmood

RAMAI bertanyakan apakah Barisan Nasional (BN) dapat merampas semula Kelantan pada pilihan raya umum ke-11 yang dijangka diadakan dalam tempoh terdekat ini.

Pertanyaan itu begitu popular termasuk membabitkan pemimpin parti dari luar Kelantan dan antara sasaran sering menerima soalan itu ialah wartawan di negeri itu yang dianggap mengetahui gelora politik negeri itu.

Hakikatnya, semangat rakyat negeri Cik Siti Wan Kembang sekarang boleh dianggap berbeza kerana mula menunjukkan sokongan kepada Umno dan BN, sama ada secara terbuka atau secara senyap.

Senario itu juga dapat dilihat menerusi apa saja program anjuran Umno pada peringkat cawangan, peti undi, bahagian dan peringkat negeri terus mendapat sambutan apabila semakin ramai rakyat hadir, walaupun kehadiran bukan ukuran sebenar kekuatan Umno di negeri itu, tetapi ia memberi impak positif dari segi sokongan moral rakyat.

Dalam pada itu, Pas di Kelantan dilihat mengambil pendekatan tunggu dan lihat perkembangan semasa perubahan sikap rakyat. Seperti biasa, parti itu meneruskan ceramah menghentam kerajaan dan pemimpin BN sambil bercakap mengenai agama mengikut tuntutan politik, terus menjadi senjata penting politiknya untuk menarik sokongan pengundi.

Kini, sudah 14 tahun Kelantan diperintah Pas dengan BN terus berhempas pulas untuk menawan semula negeri itu dengan berpegang kepada kepercayaan tidak mustahil Pas kalah dan BN boleh menang.

Hasrat Umno dan BN itu diletakkan pada pilihan raya umum akan datang, sekali gus menjadi harapan Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya Datuk Seri Najib Razak, untuk melihat kemenangan BN di Kelantan.

Persoalannya, apakah perpaduan ahli Umno dan pemimpin di negeri ini benar-benar mantap dan bersedia menerima serta mematuhi keputusan pucuk pimpinan yang bermatlamat mengukuhkan kedudukan parti ketika rakyat mula menunjukkan perubahan positif kepada BN negeri itu.

Sebenarnya, menerima keputusan dan sedia mematuhi arahan pucuk pimpinan oleh semua peringkat kepemimpinan Umno negeri akan membantu memantapkan lagi parti berasaskan perubahan sikap rakyat sekarang.

Najib ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Panglima Raja Lemal, Pasir Mas sempena lawatan rasmi pertama beliau sehari ke Kelantan Isnin lalu, sejak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri kira-kira sebulan lalu, menegaskan Ketua Penaja Umno bahagian Pasir Mas, Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman adalah pemimpin utama di daerah itu dan semua keputusan parti di bahagian itu dilakukannya.

Kenyataan itu membuktikan betapa serius pucuk pimpinan pada peringkat Pusat mahu ahli parti mematuhi dan menerima sebarang keputusan pimpinan parti demi kebaikan parti dan ahlinya. Begitu juga dengan kenyataannya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat, di SMK Jeli pada hari sama yang menyifatkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed sebagai 'mutiara' bagi masyarakat Jeli, tetapi ia diselaputi lumpur pada pilihan raya lalu kerana kesilapan pengundi membuat pilihan.

Beliau berkata, kesilapan itu boleh dimaafkan tetapi berharap masyarakat Jeli tidak lagi membuat kesilapan yang sama pada pilihan raya umum akan datang.

Sebab itu, ahli Umno tidak seharusnya mudah mengikut perasaan dengan membuat keputusan mengundi pembangkang atau menyokong pihak tertentu hanya kerana tidak berpuas hati apabila keputusan tidak memihak kepada mereka.

Sebagai ahli dan pemimpin parti berjiwa besar, adalah wajar mematuhi arahan bukan mengajak penyokong sama-sama bersekongkol menentang keputusan peringkat tertinggi, lebih-lebih lagi Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Apabila kita tidak dapat menerima keputusan, lebih-lebih lagi menentang dan berdendam, akhirnya ia merugikan diri sendiri dan kepuasan hanya untuk sementara. Oleh itu, apa yang ditegaskan Timbalan Perdana Menteri itu menunjukkan kepemimpinan Pusat hanya mengiktiraf pemimpin yang dilantik dan ahli parti harus menerima dengan penuh ikhlas dan mengukuhkan perpaduan.

Dalam konteks Kelantan, Umno tidak lagi boleh berdepan dengan masalah ditimbulkan ahlinya sendiri yang akhirnya memberi peluang kepada pembangkang mengambil kesempatan.

Rakyat sedang menilai sikap pemimpin parti dan jika tidak menunjukkan perpaduan, ia sekali lagi boleh mengundang padah kepada Umno. Keadaan akan menjadi lebih parah jika segelintir ahli dan pemimpin Umno berasa kecewa dan tidak puas hati apabila kedudukan mereka diketepikan. Umno pasti menjadi lebih kuat jika golongan seperti ini dapat bersama menggerakkan parti tanpa memikirkan kepentingan diri.

Apa yang jelas kepemimpinan BN Pusat benar-benar mahu membantu menjadikan Kelantan sebagai negeri maju dan nasib rakyat terbela dalam semua aspek, termasuk memartabatkan Islam. Perdana Menteri yang juga bersetuju Kelantan mempunyai manifesto pilihan raya tambahan, sekali lagi membuktikan betapa seriusnya pemimpin Pusat dan BN mahu melakukan perubahan di negeri itu. Hakikat ini jelas digambarkan Najib apabila beliau meminta rakyat Kelantan memberinya peluang berjasa dengan membela nasib mereka menerusi jawatan yang baru disandang.

"Tolong beri saya peluang dengan jawatan baru saya ini untuk berjasa membela rakyat Kelantan bersama dengan pemimpin Umno negeri. Kita akan pilih yang terbaik untuk Umno dan mahu tiupkan angin perubahan di negeri ini," katanya.

Kenyataan itu mempunyai mesej supaya rakyat Kelantan memahami betapa pemimpin Pusat mengambil berat terhadap Kelantan dan nasib rakyatnya. Apa yang diperkatakan Najib itu juga menunjukkan sikap sebenar seorang pemimpin berjiwa besar yang sanggup secara terbuka meminta pertolongan rakyat Kelantan untuk membantunya atas tujuan murni.

Malah, Abdullah sendiri sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, mengajak rakyat bekerja bersama beliau untuk memajukan negara, bukan bekerja untuk beliau.

Justeru, seluruh ahli Umno perlu mengetepikan sentimen berunsur `peribadi' demi meneruskan perjuangan Umno di Kelantan selaras dengan hasrat dan matlamat pimpinan negeri dan Pusat. Semua pihak perlu memberi sokongan padu kepada kepemimpinan Umno Kelantan sekarang yang diterajui Mustapa demi melihat era baru `Kelantan Gemilang' yang diterajui kerajaan BN menjadi kenyataan pada pilihan raya umum akan datang.

Mustapa juga menyifatkan lawatan rasmi Najib berjaya meningkatkan semangat perjuangan Umnopada saat-saat hampir menjelang pilihan raya umum. Kehadiran kira-kira 10,000 rakyat tempatan untuk mendengar ucapan Timbalan Perdana Menteri di SMK Jeli itu, membuktikan perubahan sikap pengundi sedang berlaku dalam menentukan corak politik Kelantan.

Ketika berucap pada majlis makan malam bersama Najib pada sebelah malamnya, Mustapa juga menyatakan lawatan Najib memberi kesan positif dan kekuatan kepada semangat perpaduan seluruh ahli parti negeri itu.

"Lawatan ini memberi kekuatan kepada saya (untuk terus mengukuhkan Umno) dan saya rasa makin bersemangat (menghadapi pilihan raya)," katanya.

Perdana Menteri yang dijangka melawat Kelantan minggu depan, sekali lagi dilihat akan meningkatkan semangat dan memantapkan perpaduan ahli parti serta meningkatkan sokongan rakyat kepada Umno Kelantan.

Dengan sikap sederhana Pak Lah, pastinya mampu menarik perhatian rakyat Kelantan untuk menunjukkan sokongan mereka ke arah melakukan perubahan positif, sekali gus memberi mandat kepada BN menubuhkan kerajaan pada pilihan raya umum akan datang.